

Bina rumah guna empulur kenaf

Lebih jimat kos, tenaga dan tahan lama

NORHASRAM MOHAMAD

PASIR PUTEH

Pembinaan rumah menggunakan Sistem Bangunan Berindustri (IBS) dengan kenaf sebagai bahan utama lebih menjimatkan kos dan tenaga kerja.

Ketua Pengarah Lembaga Kenaf dan Tembaku Negara (LKTN), Samsudin Nor berkata, penghasilan panel yang mengandungi 90 peratus empulur kenaf atau kenafcrete untuk pembinaan rumah itu sudah diuji.

Menurutnya, kenafcrete ternyata lebih baik berbanding

kaedah konkrit biasa.

"Dengan teknologi baru ini, satu rumah bersedia sederhana mampu disiapkan dalam tempoh 14 hari berbanding empat hingga lima bulan menggunakan kaedah konvensional.

"Perijmatan kos pemasangan sebanyak 40 peratus berbanding menggunakan batu bata dan 60 peratus lebih ringan berbanding panel konkrit.

"Ia kalis bunyi yang memenuhi kesesuaian kepada penghuninya, kadar serapan air lebih rendah, anti serangga dan kulat serta merupakan penebat haba yang baik," katanya, semalam.

Samsudin berkata, apa yang penting bahan berasaskan kenaf itu pilihan baik untuk manusia dan alam sekitar.

"Ia sangat sesuai untuk kerajaan membina rumah



Samsudin (tiga, kanan) menerangkan kelebihan rumah yang dibina menggunakan kaedah IBS berasaskan kenaf.

mangsa bencana, lebih cepat untuk mangsa memiliki rumah baharu," katanya.

Menurutnya, rumah pertama menggunakan kaedah

tersebut sedang dibina di Muar, Johor yang mana pembinaannya dilaksanakan Perhubungan Kebajikan Ukuwah Muar yang dipengerusikan

Nik Aziz Nik Abdul Rahman. Katanya, syarikat Affordable Abodes Sdn Bhd di Johor menjadi pembekal pertama kenafcrete di negara ini.

info

Kenafcrete menjimatkan kos pemasangan sebanyak 40 peratus berbanding menggunakan batu bata dan 60 peratus lebih ringan daripada panel konkrit.

"LKTN bekerjasama dengan syarikat ini melalui Pengurus Jualan dan Pemasarannya, James Kok dan syarikat berkenaan menyasarkan pengeluaran 10,000 panel kenaf sebulan menjelang 2025 bagi memenuhi permintaan.

"Saya percaya kaedah ini berdaya maju di mana lebih banyak rumah dibina dengan kaedah ini pada masa akan datang," katanya.